

23/03/2004

Puspanita rai Dr Siti Hasmah

KUALA LUMPUR: Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) malam tadi mengadakan majlis 'Sekalung Budi, Semerbak Kasturi, Terpahat Di Hati' bagi meraikan bekas penaungnya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis perpisahan itu yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) diadakan bagi mengenang jasa Dr Siti Hasmah yang menjadi penaung persatuan berkenaan selama kira-kira 20 tahun.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Yang Dipertua Puspanita Kebangsaan, Puan Sri Suslita Abdul Majid turut hadir pada majlis itu.

Puspanita yang ditubuhkan 1 Mac 1983 diilhamkan daripada Pertubuhan "Dharma Wanita" oleh Dr Mahathir selepas sambutan yang diterima daripada persatuan wanita Indonesia itu sewaktu beliau sekeluarga bercuti di republik berkenaan pada 1975.

Sejak ditubuhkan, Puspanita kini berkembang di seluruh negara dengan 61,000 ahli dan menjalankan pelbagai aktiviti.